

SEJARAH KERAJAAN MELAYU

Prof. Emeritus Datuk Dr. Zainal Kling
Penyandang,
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu,
Universiti Teknologi Mara

Persoalan Sejarah Masakini

Sejarah masakini sudah menjadi bahan minat dan kajian ramai pihak – perseorangan, kelompok etnik, organisasi dan sejarawan yang meneliti semula. Dalam penelitian sejarah dan budaya, kedua-dua bidang itu terkait erat, sebagai kerangka kandungan dan silih berganti.

Namun dalam keghairahan meneliti sejarah itu kedapatan sikap dan niat yang sengaja menyelewengkan atau malah membohongi fakta sejarah atau malahan membohongi fakta dongeng yang diperbaharui kedongengan itu. Segala ini mempunyai niat dan kecenderungan politik yang amat buruk dan merupakan kejahatan.

Dalam sejarah arkeologi terdapat cukup banyak galian dan kajian palsu, dusta dan bohong. Antara lain adalah seperti berikut:

- ***Archaeological Forgeries That Could Have Changed History***, By Owen Jarus, Live Science Contributor | August 24, 2015 (<https://www.livescience.com/51933-archaeological-forgeries.html>), (<https://archive.archaeology.org/online/features/hoaxes/>)
- **Archaeology's Hoaxes, Fakes, and Strange Sites**
- **The Skull of Doom**, by Jane MacLaren Walsh
The Mitchell-Hedges crystal skull: Fact, fiction, and the creation of myth
- **Bogus! An Introduction to Dubious Discoveries** by Brittany Jackson and Mark Rose, Why do fakes get made? Why do people fall for hoaxes? Greed, pride, revenge, nationalism, pranks, and gullibility mix in an archaeological setting
- **Eight Classic Cases** by Brittany Jackson and Mark Rose
Fawcett's Deadly Idol
A fake figurine and a charlatan's vision inspire a doomed search for Atlantis in the jungles of Brazil

The Beringer Hoax

Extraordinary fossils and inscriptions: Works of Nature or God? Or made by jealous colleagues?

Tarragona Two-Step

The "Hercules Sarcophagus" is quickly debunked, but 60 years later a fragment resurfaces as genuine in a prominent academic journal

Walam Olum Hokum

Eccentric nineteenth-century scholar Constantine Rafinesque composes a Native American epic

Saitaphernes' Golden Tiara

After the Louvre's magnificent Greco-Scythian crown is exposed as a fake, Israel Rouchomovski takes a bow

Tracking the Etruscan Warriors

Evidence shows that being a great art historian may not qualify you for detective work

The Notorious Calaveras Skull

A practical joke in gold rush California sparks a decades-long scholarly debate and still has believers today

Who Made the Praeneste Fibula?

History is rewritten when archaeologist Wolfgang Helbig teams up with a forger

More Fakes and Hoaxes

The Veleia Affair: Find or Fraud in Spain's Basque Country?

Legend of the Crystal Skulls

When Giants Roamed the Earth

Michigan's Mystery Relics

Gold Dust and James Bond

Runestone Fakery

Snake Goddesses, Fake Goddesses

"God's Hands" Did the Devil's Work

Saga of the Persian Princess

Di Malaysia sebuah pembohongan terbesar sedang berlaku yang dicanangkan oleh The Star Online dan tak lain dari Marina Mahathir. Pembohongan itu diterbitkan semula oleh Wee Hing Thong pada 02.08.18 dan Vik Sandhu. Baru-baru ini dikutip pula oleh TS Adam Kadir dalam kolum di Utusan Malaysia pada 31 Julai 2019.

Marina Mahathir: No one in Malaysia will ever call "Chinese" or "Indian" ...

<https://weehingthong.org/2018/08/02/marina-mahathir-no-one-in-malaysia-will-ever-call-chinese-or-indian-outsiders/> Aug 2, 2018 ... Vik Sandhu

Kedustaan itu disambut pula oleh John Chow dengan berhati-hati dan menyebutnya sebagai "Ini yang saya dengar" (This is what I heard).

<http://www.yellowbamboohk.com/yellowbamboo/Origins%20of%20Hang%20Tuah%20by%20John%20Chow.h>

Origins of Hang Tuah (and Hang Jebat, Hang Lekiu etc) By John Chow. This is what I heard:- Findings of the team of scientists, archaeologist, historian and other the Origins of Hang Tuah (and Hang Jebat Hang Lekiu etc)

By John Chow

This is what I heard:-

Findings of the team of scientists, archaeologist, historian and other technical staff from the United State, United Kingdom, Germany, Canada, Yemen & Russia

"The graves of Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu and their close friends have been found and their skeletons had been analysed. Their DNA had been analysed and it is found that Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu etc. are not Malay, but Chinese (Islamic Chinese, just like the famous Admiral Cheng Ho). Malacca was a protectorate of China at that time, and the Emperor of China sent the Sultan of Malacca "yellow gifts' as a token of his sovereignty. The 5 warrior brothers were believed to be sent to help protect Malacca and its Sultan from Siam (Thailand)."

The Federal Association of Arc & Research of Michigan, USA.

<https://www.thearc.org/who-we-are/media-center/E>

Q: What is The Arc?

A: The Arc is the world's largest community based organization of and for people with intellectual and developmental disabilities. It provides an array of services and support for families and individuals and includes over 140,000 members affiliated through approximately 700 state and local chapters across the nation. The Arc is devoted to promoting and improving supports and services for all people with intellectual and developmental disabilities.

<https://arcmi.org/content/uploads/sites/15/2019/03/2018-DRAFT-New-Annual-Report-2018-05-03.pdf>

The Arc Michigan's Board President. 2018. Andrea Lane, President. Sherri Boyd, Executive Director

"For people with intellectual and developmental disabilities"

"The Arc also continues to help create more inclusive and independent lives for individuals with disabilities through training and support, as well as public policy and systems advocacy. The Arc Michigan remains diligent in influencing the transition plan to implement the Home and Community Based Services rules. We also continue to push for authentic Person-Centered Planning, Self-Determination and transparency in funding systems of support. Lastly, we continue to fight for increased wages for direct care workers and for general fund dollars to be returned to the mental health system."

Hujan Emas. Benarkah Hang Li Po, Makcik Hang Tuah?. **Adam Kadir**

<https://www.utusan.com.my/rencana/utama/benarkah-hang-li-po-makcik-hang-tuah-1.946791>. 31 Julai 2019

"Ramai dalam kalangan mereka terutama yang rapat dan mesra dengannya, menetap di Melaka bersama Hang Li Po. Yang lain-lain atas tuntutan tugas dan arahan Raja China, pulang ke China. Saudara-saudara pupunya akhirnya berumah tangga dengan orang yang rapat dengan istana Melaka. Dari situlah lahirnya lima orang yang memakai nama keluarga Hang: Tuah, Jebat, Kasturi, Lekir dan Lekiu".

Marina Mahathir: No one in Malaysia will ever call “Chinese” or “Indian” “outsiders

Posted on August 2, 2018. Vik Sandhu

"In June 1998, the Malaysian government hired a team of experts from around the world to gather a research project in Malaysia to compliment the historical research that we explored during the middle school period."

Siapa kumpulan pakar dari pelbagai negara itu dan apa nama mereka tidak pernah disebut. Kononya mereka terdiri dari, **the team of scientists, archaeologist, historian and other technical staff from the United State, United Kingdom, Germany, Canada, Yemen & Russia**

<https://weehingthong.org/2018/08/02/marina-mahathir-no-one-in-malaysia-will-ever-call-chinese-or-indian-outsiders/> Aug 2, 2018

<file:///C:/Users/user/Documents/Hang%20Tuah%20-Marina%20Mahathir.html>

Vik Sandhu menambah pula dengan dusta tentang Raja-raja Alam Melayu terdiri dari orang Tamil. "World history knows that Indonesia, this (Melayu land) and its surrounding lands include Singapore, ruled by the Indian kings, especially the Tamils. Neel Iauthaman's escape from Indonesia in Bali and Bere Misulla proved it all. Archaeologists further discovered Bujang Valley, which is not open to the public." Lembah Bujang tidak dibuka kepada awam! Inilah dusta yang terlalu jelas untuk disanggah.

Kita tidak perlu mengupas pembohongan ini lagi. Cukuplah seperti yang dibangkang oleh Faiq Khalifa tentang kesahihan laporan arkeologi itu.

Dalam surat kepada pembaca di FMT pada Mei 22, 2017, Faiq Khalifa menulis, antara lain-lain:

Hang Tuah is Chinese? Hang on a second...

FMT, May 22, 2017. Faiq Khalifa (an FMT reader)

"Interestingly, it mentions that all these names are transliterations of the name mentioned in the Malay Annals, Puteri Hang Li Po which also means that, there was no record of the Chinese Princess Hang Li Po, who was married to the Sultan of Melaka.

"So, if one is to speculate that there was no Chinese princess by the name Hang Li Po, who was sent to Melaka at that time, it will then destroy the "theory" that Hang Tuah and his friends were Chinese altogether, since the reason behind that "theory" is the similarity of the names of those warriors and the princess.

"The article also mentions a team of researchers who did a so-called scientific DNA test on the remains of Hang Tuah which indeed proved that Hang Tuah was Chinese.

"Are we to believe that a team of researchers somehow managed to dig up the 500-year-old grave of the legendary admiral, which was located beside a main road in Tanjung Kling, Melaka, which was under supervision of the local authority, without any coverage from the media, and not a single person to witness the important event, which was located at a tourist attraction in the state?

Justeru, menjadi kewajipan kita untuk meluruskan sejarah melalui pendedahan segala kedustaan, pembohongan, kepalsuan dan karut-marut yang cukup banyak dilakukan kini.


Satu lagi pendustaan yang disebarluaskan ialah asal usul bangsa awal di Tanah Melayu sebagai Tamil. Kita tidak dapat mencari sumber yang sahih tentang kedustaan ini tetapi telah tersebar peta sedemikian yang amat jelas merupakan suatu ciptaan yang amat palsu dan bohong untuk menandakan bukti bahawa orang Tamil di Tanah Melayu adalah pendatang terawal, dan disokong pula dengan penulisan tentang wujudnya penempatan agama Hindu di Lembah Bujang dan Sungai Batu, Kedah.

Sejarah Kedah ini perlu penulisan semula dengan lebih mendalam dan tepat kerana cukup banyak bahan-bahan arkeologi yang terkumpul tetapi tidak disuratkan secara teratur ke dalam sejarah Kedah. Sebahagian dari sejarah itu ialah di zaman Sriwijaya Shailendra yang merangkumi Sumatera dan juga Pulau Jawa.

Di bawah ini saya gunakan catatan Wikipedia tentang Sriwijaya kerana ada sumber yang boleh dipercayai dan dipegang. Hanya sepatutnya kita yang menumpukan perhatian terhadap sejarah ini kerena ia adalah punca yang terbukti dalam pebagai catatan dan bukan dongeng sejarah tanpa bukti, baik dalam bentuk batu bersurat (prasasti) mahupun catatan China dan prasasti India. Sebaliknya orang lain yang sibuk mengkaji sejarah Sriwijaya seperti Pusat Kajian Nalanda di ISEAS – Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, yang pastinya mempunyai tujuan yang tersurat di samping sejarah semata-mata.

Sejarah kerajaan dan kedaulatan Melayu sekurang-kurangnya mesti digalur dari zaman Sriwijaya kerana terdapat bukti yang sahih terpahat pada prasasti Kedukan Bukit tentang penubuhan Sriwijaya sebagai kerajaan Melayu pada 682M dan tulisan Yijing pada 671M.

Batu bersurat Kedukan Bukit, The Kedukan Bukit Inscription was discovered by the Dutchman M. Batenburg on 29 November 1920 at Kedukan Bukit, South Sumatra, on the banks of the River Tatang, a tributary of the River Musi yang masih boleh kita baca hingga kini.



svasti śrī śakavaśātīta 605 (604?) ekādaśī śu-
klapakṣa vulan vaiśākha ḍapunta hiya<m>
nāyik di
sāmvau mangalap siddhayātra di saptamī
śuklapakṣa
vulan jyeṣṭha ḍapunta hiya<m> maṛlapas dari
mināṅga
tāmvan mamāva yaṁ vala dualakṣa dangan ko-
duaratus cāra di sāmvau dangan jālan sarivu
tlurātus sapulu dua vañakñā dātaṁ di mata jap
sukhacitta di pañcamī śuklapakṣa vula<n> <...>
laghu mudita dātaṁ marvuat vanua <...>
śrīvijaya jaya siddhayātra subhikṣa <...>

List of kings of Srivijaya

Date	Name	Capital	Stone inscription or embassies to China and events
683	Dapunta Hyang Sri Jayanasa	Srivijaya	Kedukan Bukit (682), Talang Tuwo (684), and Kota Kapur inscriptions Malayu conquest, Central Java conquest ^{[3]:82–83}
702	Sri Indravarman Che-li-t'o-lo-pa-mo	Srivijaya Shih-li-fo-shih	Embassies 702, 716, 724 to China ^{[3]:83–84} Embassies to Caliph Muawiyah I and Caliph Umar bin Abdul Aziz
728	Rudra Vikrama Liu-t'eng-wei-kung	Srivijaya Shih-li-fo-shih	Embassies 728, 742 to China ^{[3]:84}
			No information for the period 742–775
775	Dharmasetu or Vishnu	Java	Nakhon Si Thammarat (Ligor), ^{[3]:84} Vat Sema Muang
775	Dharanindra	Java	Ligor, started to build Borobudur in 770, conquered South Cambodia
782	Samaragrawira	Java	Ligor, Arabian text (790), continued the construction of Borobudur
792	Samaratungga	Java	Karangtengah inscription (824), 802 lost Cambodia, 825 completion of Borobudur
835	Balaputradewa	Srivijaya San-fo-ts'i	Lost Central Java, moved to Srivijaya Nalanda inscription (860)
			No information for the period 835–960

Date	Name	Capital	Stone inscription or embassies to China and events
960	Sri Udayadityavarman Si-li-Hu-ta-hsia-li-tan Shih-li Wu-yeh	Srivijaya San-fo-ts'i	Chinese Embassies 960, 962 ^{[3]:131}
980	Haji Hsia-ch'ih	Srivijaya San-fo-ts'i	Chinese Embassies 980, 983 ^{[3]:132}
988	Sri Cudamani Warmadewa Se-li-chu-la-wu-ni-fu- ma-tian-hwa	Srivijaya San-fo-ts'i	Chinese Embassies 988,992,1003,1004 ^{[3]:132,141} Javanese King Dharmawangsa attack of Srivijaya, building of temple for Chinese Emperor, Tanjore Inscription or Leiden Inscription (1044), building of temple at Nagapattinam with revenue from Rajaraja Chola I
1006, 1008	Sri Maravijayottungavarman Se-li-ma-la-pi	Srivijaya San-fo-ts'i	Constructed the Chudamani Vihara in Nagapattinam, India in 1006. ^[115] Chinese Embassies 1008,1016 ^{[3]:141–142}
1017	Sumatrabhumi Ha-ch'i-su-wa-ch'a-p'u	Srivijaya San-fo-ts'i	Chinese Embassy 1017
1025	Sangrama Vijayatunggavarman ^{[3]:14 2}	Srivijaya San-fo-ts'i	Chola invasion of Srivijaya, captured by Rajendra Chola Chola Inscription on the temple of Rajaraja, Tanjore
1028	Sri Deva Shih-li Tieh-hua	Palembang Pa-lin-fong	Chinese Embassy 1028 ^{[3]:143} Building of Tien Ching temple, Kuang Cho (Kanton) for Chinese Emperor
1078	Kulothunga Chola I Ti-hua-ka-lo	Palembang Pa-lin-fong	Chinese Embassy 1077 ^{[3]:148}
			No information for the period 1080–1155
1156	Rajaraja Chola II	Palembang Pa-lin-fong	Larger Leyden Plates

Date	Name	Capital	Stone inscription or embassies to China and events
1183	Srimat Trailokyaraja Maulibhusana Warmadewa	Jambi, Dharmasraya Kingdom	Bronze Buddha (Grahi inscription), Chaiya 1183 ^{[3]:179}
			No information for the period 1183–1275
1286	Srimat Tribhuwanaraja Mauli Warmadewa	Jambi, Dharmasraya Kingdom	Padang Roco inscription 1286, Pamalayu expedition 1275–1293

Wikipedia: Srivijaya

Dari senarai raja Sriwijaya itu kita memerhatikan nama yang terakhir sebagai Srimat Tribhuwanaraja Mauli Warmadewa. Ingatan bangsa Melayu terhadap nama itu tercatat pada nama raja pertama Temasik/Singapura sebagai Sang Nila Utama Sri Tribuana. Pastilah sejarah lisan yang dipeturunkan di dalam lingkungan istana tidak memahami akan bentuk asal dalam tulisan asing. Maka dalam lidah Melayu nama itu diingat sebagai Sang Nila Utama Sri Tribuana sahaja.

Catatan penulis sejarah Singapura seperti Agus Salim menyenaraikan nama-nama raja Singapura seperti tercatat di dalam Sulalatussalatin. Meskipun tidak mempunyai bahan bukti lain namun cukup untuk dipegang sebagai 'sejarah' dalam konteks tempatan di rantau sini.

Akhir-akhir ini terdapat keinginan di Singapura untuk mengetahui sejarah sebelum 1819 ketika S. Raffles menipu untuk mendapatkan Singapura. Prof J. Miksic, seorang ahli arkeologi di NUS telah memulakan penggalian bahan tinggalan arkeologi di pebagai tapak yang tercatat di dalam Sulalatussalatin sebagai wilayah kerajaan kuno Temasik/ Singapura. Ternyata pelbagai tapak itu menghasilkan ribuan pecahan dan serpihan tembikar pelbagai jenis serta tinggalan lain yang menjadi asas untuk meyakini bahawa Temasik/Singapura yang dicatat oleh Sulalatussalatin adalah benar.

Sebenarnya, sejarah Raja-raja Melayu yang memerintah Negeri Singapura telah bermula lebih kurang sejak 700 tahun yang dahulu. Memetik buku Kisah Raja-raja Melayu Singapura oleh Agus Salim terbitan Dewan Bahasa & Pustaka (DBP), senarai Raja-raja Melayu dahulukala yang pernah memerintah Singapura adalah seperti berikut :

- 1) Sri Tri Buana @ Sang Nila Utama (memerintah 1299-1347 M)

- 2) Raja Kecil Besar @ Paduka Seri Pikrama Wira (1347-1362 M)
- 3) Raja Muda @ Seri Rana Wira Kerma (1362-1375 M)
- 4) Dasia Raja @ Paduka Seri Maharaja (1375-1388 M)
- 5) Raja Iskandar Shah @ Sri Parameswara (1388- 1391 M)


*Tahun-tahun pemerintahan raja-raja Singapura ini dipetik Agus Salim daripada kajian Dr. W. Linehan, 1947, The King of 14th Century Singapore, JMBRAS20(2). (<http://ibnurusydi.blogspot.com/2010/06/raja-melayu-singapura-yang-dilupakan.html>)

Satu daripada laporan kajian arkeologi di Singapura itu dilaporkan dalam jurnal antarabangsa yang amat terkenal, Archeology (A publication of the Archaeological Institute of America) petikannya seperti berikut:

“ Taken together, the finds reveal that Singapore was a major trade hub by 1350, importing and exporting between India, Southeast Asia, and China. It was fortified—rare for the time—used currency, and likely hosted a multiethnic population governed by a local chief. Miksic says evidence suggests that it was not a political power or ceremonial center, but was perhaps like contemporaneous port towns of the Mediterranean. There was little agriculture, and services were the mainstay. Singapore procured raw materials such as iron, as well as porcelain, tortoiseshell, glass, and beads, from a network of suppliers. “The archaeology of Singapore confirms what we thought we knew from local chronicles such as the Malay Annals and Chinese texts,” says Miksic, “while adding much more detail about the types of objects traded and the complexity of the economy of even a medium-sized port.” He adds, “We are also beginning to see what a place with a strong Chinese influence would have looked like.”

Archeology (A publication of the Archaeological Institute of America)

<https://www.archaeology.org/issues/278-1711/letter-from/5998-letter-from-singapore>, “The Lion City’s Glorious Past.” November/December 2017. The founding mythology of this city-state was once thought to be pure fiction—archaeology says otherwise. By Vaishnavi Chandrashekhar




(Photo by Ung Ruey Loon)

This 2015 rescue excavation (seen from above) took place in front of the Victoria Theatre and Concert Hall at Singapore's Empress Place. Lasting 100 days, the dig recovered nearly 4 tons of material, helped establish Singapore's role as a major port, known as Temasek, that engaged in brisk trade with China and other nations in the 14th century.

Kesultanan Melaka

Sultan Melaka	Tempoh memerintah
Parameswara (Raja Iskandar Shah)	1400 – 1414
Megat Iskandar Shah	1414 – 1424
Sultan Muhammad Shah, Melaka	1424 – 1444
Sultan Abu Syahid	1444 – 1446
Sultan Muzaffar Shah	1446 – 1456
Sultan Mansur Shah	1456 – 1477
Sultan Alauddin Riayat Shah	1477 – 1488
Sultan Mahmud Shah	1488 – 1511



Makam Almarhum Sultan Mudzaffar Shah I

Pada masa Sultan Mahmud Shah menjadi Sultan di Kampar, Negeri Perak masih belum mempunyai seorang Raja. Maka bermesyuaratlah seisi Negeri Perak untuk memilih seorang Yang Di-Pertuan. Sidang mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara supaya Tun Saban dan Nakhoda Kassim pergi ke Kampar mengadap Sultan Mahmud Shah memohonkan putera Baginda untuk berkerajaan di Perak. Pada masa Kerajaan Melayu Melaka, Negeri Perak dengan Beruas sebagai ibu negerinya tertakluk di bawah Melaka.

Sultan Mahmud Shah telah mengurniakan putera dengan puteri Onang Kening anak Raja Kelantan yang bernama Raja Mudzaffar untuk dirajakan di Perak. Raja Mudzaffar kemudian dikurniakan alat kebesaran (Baur) yang berupa sebilah pedang Cura Si Manja Kini, sebilah keris, sebuah cap (Cap Kayu Kempa) yang berlorek perkataan "SULTAN MUHAMAD SHAH DZIL ALLAH FIL-ALAM", serta Nobat dan Surat Chiri.

Selepas menerima titah ayahandanya untuk berangkat ke Perak, Raja Mudzaffar pun bersiap dan menunggukan saat yang baik untuk berangkat meninggalkan Kampar. Sementara itu Tun Saban pulang ke Perak dan menyediakan 77 ekor gajah yang sarat dengan berbagai persembahan dari penduduk Hulu Perak, lalu menuggu ketibaan Raja Mudzaffar di Kuala Sungai Perak.

Raja Mudzaffar pun berlayar bersama isterinya bernama Tun Terang, putera mereka Raja Mansur dan pengiring-pengiring termasuklah Megat Teraweh Ibni Daulat Pagar Ruyong. Baginda singgah di Kelang dan Siak kerana menziarahi keluarga Baginda. Semasa di Kelang Baginda bertemu Nakhoda Tumi, iaitu orang Manjong yang selalu berulang-alik bermiaga dari Perak ke Kelang. Nakhoda Tumi pun membawa Raja Mudzaffar ke Perak. Akhirnya bahtera kenaikan Baginda pun sampai ke Beting Beras Basah di Kuala Sungai Perak. Dengan takhir Tuhan, bahtera Baginda tersangkut pada beting, beberapa kali dilayarkan orang tidak juga mahu terlepas. Apabila Baginda melihatkan hal demikian, Baginda pun bersawab-sawab titahnya:-

*"Sekongkong Tanah Minangkabau
Selilit Pulau Perca
Di lengkong ular Saktimuna
Perpisahan Beta di Selat Melaka
Jika sah Beta Raja berdaulat
Lepaskan sekalian malapetaka"*

Maka disahut oleh Tuan Saban dengan sekalian hamba rakyat menanti di situ dengan teriakan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali. Setelah itu bahtera kenaikan Baginda pun terlepaslah masuk muara lalu ke suatu tempat, dilihat Baginda seorang budak lelaki menangis disisi mayat seorang budak yang lebih kurang umur dengannya. Baginda bertitah, "Hai budak, siapakah yang terbaring disisi mu itu". Budak itu menyembah, dan menjawab bahawa yang mati itu ialah abangnya sendiri yang telah ditikamnya dengan keris kerang setelah abang itu mengolok-ngolok pertanyaannya.

Setelah Raja Mudzaffar Shah mendengar perkataan budak itu, maka tersangatlah kasihan hati Baginda lalu Baginda pun menerangkan maksud perkataan abang budak itu yang sebenarnya. Titah Baginda, "Ada pun makna jawapan abang mu itu, nama buluh yang kamu tanyakan itu ialah Buluh Apa, bukannya ia mengolok-ngolokkan kamu". Ia pun amat menyesal sebab membunuh abangnya tanpa usul periksa. Ia pun menghunus keris dari pinggangnya dan menikam keris itu ke dadanya. Kubur kedua-dua adik- beradik itu terletak di tempat berlakunya peristiwa itu di Tanah Abang.

Peristiwa sedih yang berlaku itu sangatlah mengharukan hati Raja Muzaffar. Baginda pun mendarat di tempat itu lalu menitahkan orang berbuat kota istana dan tempat itu pun dinamakan oleh Baginda Tanah Abang. Setelah siap semuanya disekitar tahun 1528 Baginda pun ditabalkan di bawah kelolaan Tun Saban. Baginda bergelar Paduka Seri Sultan Mudzaffar Shah Ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah. Pada masa pertabalan Baginda itu Tok Temong datang membawa persembahan sejenis tangkal azimat bernama Mastika embun.

Apabila sudah menjadi Sultan, Baginda Sultan Mudzaffar Shah pun memanggil Tun Mahmud (anak Tun Isan Berakah dengan Puteri Siat) yang bergelar Seri Agar di-Raja yang memerintah di Selangor supaya datang ke Perak dan dijadikan Bendahara Perak yang Pertama. Tetapi Tun Mahmud kemudiannya dipaksa oleh Sultan Alaudin Riayat Shah (adinda sebapa kepada Sultan Mudzaffar Shah) supaya datang ke Johor.

Tidak berapa lama selepas menjadi sultan, Sultan Mudzaffar Shah telah berselisih faham dengan Tun Saban. Tun Saban pun membuat Kota kubunya di Temong. Punca perselisihan itu disebabkan oleh Sultan Mudzaffar Shah yang berkehendakkan anak Tun Saban yang bernama Tun Merah untuk dijadikan gundek.

Tun Saban tidak membenarkan. Baginda pun memanggil Tun Saban ke Istana serta menitahkan beliau pergi beramu (mencari kayu) di hutan untuk membuat Istana yang baru. Sepeninggalan Tun Saban, datanglah orang-orang Raja memanggil Tun Merah dan dibawa ke istana. Tun Saban pun terlalu marah dan kembali ke dalam hutan serta ditebangnya sepojon kayu tualang yang amat tajam di pangkal dan hujungnya. Batang kayu yang sudah ditajamkan itu dipuja selama tiga petang berturut-turu, akhirnya batang itu pun terbang berpandu menimpa istana Sultan Mudzaffar Shah menyebabkan banyak kerosakan berlaku. Apabila Baginda ketahui perbuatan itu datangnya dari Tun Saban, maka Baginda pun tersangat murka lalu memberi titah menawarkan pangkat Bendahara kepada barang siapa orang-orang Baginda yang dapat membunuh Tun Saban.

Megat Teraweh menyahut seruan Baginda itu lalu keluar mencari Tun Saban dan mendapat tahu bahawa Tun Saban sedang berkubu di Kuala Temong, dan boleh dilihat muncul di atas kubu tiga kali sehari, di sebelah pagi berpakaian hijau, tengahari berpakaian putih dan sebelah petang berpakaian merah.

Megat Teraweh tiba pada waktu petang dan berjaya menembak Tun Saban dengan istinggar, terkena dada Tun Saban tetapi tiada telap (tembus). Peluru itu jatuh ke tanah lalu diambil oleh Tun Saban dan dilihatnya peluru itu bertulis perkataan "Inilah peluru anak Raja Pagar Ruyong. Barang di mana ia terjatuh di situlah tuannya menjadi Pembesar". Maka tahulah Tun Saban bahawa ajalnya telah sampai dalam peperangan ini, lalu disuruhnya orang memanggil Megat Teraweh. Beliau diminta oleh Tun Saban supaya berkahwin dengan puteri yang bernama Tun Bongsu Bangsawan. Permintaan Tun Saban itu diterima dan beliau dinikahkan di hadapan Tun Saban. Selepas itu Tun Saban pun meninggal dunia dan dikuburkan di suatu tempat bernama Changkat Merah, Hulu Perak. Beberapa orang dari cucu-cicit Tun Saban dilantik menjadi orang Besar di Negeri Perak.

Baginda Sultan Mudzaffar Shah sangat sukacita mendengar Tun Saban sudah mati. Megat Teraweh dikurniakan gelaran Bandahara Paduka Raja, menggantikan Tun Mahmud. Sejak itu jawatan Bendahara di negeri Perak berasal dari keturunan Megat Teraweh dan hanya berakhir pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Dzulkarnain, Sultan Perak yang ke-15 apabila Bendahara Megat Abu Kassim meletak jawatannya.

Sultan Mudzaffar Shah memerintah selama lebih kurang 27 tahun dan mangkat di Tanah Abang dengan gelaran "Mahrum Tanah Abang". Baginda mula-mula bersemayam di Tanah Abang dan kemudian berpindah ke Kota Lama Kanan, dekat bandar Kuala Kangsar. Baginda memerintah dari tahun 1528 hingga tahun 1549. Putera baginda yang bernama Raja Mansur dilantik ke takhta kerajaan Perak, bergelar Sultan Mansur Shah Ibni Almarhum Ibni Almarhum Sultan Mudzaaffar Shah.

List of Sultans of Perak

Malacca Dynasty

Number	Name	Reign
1	Sultan Muzaffar Riayat Shah I Ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah of Melaka	1528–1549
2	Sultan Mansur Shah I Ibni Almarhum Sultan Muzaffar Shah I	1549–1577
3	Sultan Ahmad Tajuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah I	1577–1584
4	Sultan Tajul Ariffin Shah Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah I	1584–1594
5	Sultan Alauddin Riayat Shah I Ibni Almarhum Raja Kecil Lasai Inu	1594–1603
6	Sultan Mukaddam Riayat Shah I Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah I	1603–1619
7	Sultan Ahmad Mansur Riayat Shah II Ibni Almarhum Raja Kecil Lasai Inu	1619–1627
8	Sultan Mahmud Riayat Shah I Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah I	1627–1630
9	Sultan Sallehuddin Riayat Shah Ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah I	1630–1636

Siak Dynasty

Number	Name	Reign
10	Sultan Muzaffar Riayat Shah II Ibni Almarhum Raja Mahmud of Siak	1636–1653
11	Sultan Mahmud Iskandar Shah Ibni Almarhum Sultan Muzaffar Shah II	1653–1720
12	Sultan Alauddin Mughayat Shah Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah III	1720–1728
13	Sultan Muzaffar Riayat Shah III Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah III (Ruled Upper Perak)	1728–1752
14	Sultan Muhammad Mughayat Shah Ibni Almarhum Sultan Mansur Shah III (Ruled Lower Perak)	1744–1750
15	Sultan Iskandar Zulkarnain Ibni Almarhum Sultan Muhammad Mughayat Shah	1752–1765

Number	Name	Reign
16	Sultan Mahmud Shah II Ibni Almarhum Sultan Muhammad Mughayat Shah	1765–1773
17	Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda Ibni Almarhum Sultan Muhammad Mughayat Shah	1773–1786
18	Sultan Ahmaddin Shah Ibni Almarhum Sultan Muhammad Mughayat Shah	1786–1806
19	Sultan Abdul Malik Mansur Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmaddin Shah	1806–1825
20	Sultan Abdullah Mu'azzam Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Malik Mansur Shah	1825–1830
21	Sultan Shahabuddin Riayat Shah Ibni Almarhum Raja Inu	1830–1851
22	Sultan Abdullah Muhammad Shah I Ibni Almarhum Raja Kecil Besar Abdul Rahman	1851 - 1857
23	Sultan Ja'afar Safiuddin Mu'azzam Shah Ibni Almarhum Raja Ahmad Tajuddin Riayat Shah II	1857 - 1865
24	Sultan Ali Al-Mukammal Inayat Shah Ibni Almarhum Sultan Shahabuddin Riayat Shah	1865–1871
25	Sultan Ismail Mu'abidin Riayat Shah Ibni Almarhum Sayyid Sheikh Al-Khairat of Siak	1871–1874
26	Sultan Abdullah Muhammad Shah II Ibni Almarhum Sultan Ja'afar Safiuddin Mu'azzam Shah	1874–1876
27	Sultan Yusuf Sharifuddin Muzaffar Shah Ibni Almarhum Sultan Abdullah Muhammad Shah I	1886–1887 <u>(regent 1877–1886)</u>
28	Sultan Idris Murshidul Azzam Shah Ibni Almarhum Raja Bendahara Alang Iskandar	1887–1916
29	Sultan Abdul Jalil Karamatullah Nasiruddin Mukhataram Shah Ibni Almarhum Sultan Idris Murshidul Azzam Shah	1916–1918
30	Sultan Iskandar Shah Ibni Almarhum Sultan Idris Murshidul Azzam Shah	1918–1938
31	Sultan Abdul Aziz Al-Mustasim Billah Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa	1938–1948
32	Sultan Yussuff Izzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil Karamatullah Nasiruddin Mukhataram Shah	1948–1963

Number	Name	Reign
33	Sultan Idris Iskandar Al-Mutawakkil Alallah Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah	1963–1984
34	Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah	1984–2014
35	Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	2014–present

https://en.wikipedia.org/wiki/Perak_Sultanate

Akhir kata

Senarai di atas merupakan catatan-catatan dari pelbagai sumber yang dapat digunakan dengan kritis untuk memahami sejarah kerajaan Melayu yang berkelangsungan untuk selama 1500 tahun sejak Sriwijaya. Memang sejarah itu dapat diperpanjangkan sehingga ke Iskandar Zulkarnain. Namun dari segi kaedah kesejarahan moden, sejarah kuno itu kurang dapat dibuktikan secara dokumentasi, sekadar keyakinan terhadap 'dongeng sejarah'. Yang menarik dalam pertalian keturunan itu dapat menjadi bukti akan kelangsungan kesultanan dan hal itu sendiri adalah bukti nyata yang hidup akan kelangsungan kedaulatan Melayu di Alam Melayu khusus Tanah Melayu. Kelangsungan inilah yang merupakan sendi tuntutan Melayu terhadapan kebumiputeraan dan kedaulatan atau kekuasaannya di bumi negara ini.